

## KHUTBAH JUMAAT

### “TELADAN LUQMAN AL-HAKIM BUAT IBU BAPA” (20 Jun 2025M/ 23 Zulhijjah 1446H)

---

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي خَلَقَ الْإِنْسَانَ فِي أَحْسَنِ تَقْوِيمٍ، وَأَمَرَنَا  
بِالتَّقْوَى وَالْخُلُقِ الْكَرِيمِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،  
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُؤْمِنُونَ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ  
فَازَ الْمُتَّقُونَ.

#### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Marilah kita bersama-sama mempertingkatkan keimanan dan ketaqwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Semoga kita memperoleh kejayaan dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Pada hari ini, khatib akan membicarakan khutbah yang bertajuk '**Teladan Luqman al-Hakim Buat Ibu Bapa**'.

#### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Luqman al-Hakim merupakan seorang lelaki soleh yang diberikan kebijaksanaan oleh Allah *subhanahu wata'ala* termasuklah dalam perkara mendidik anak. Pesanan kepada anaknya yang mengandungi panduan yang amat berguna bagi ibu bapa telah dirakamkan oleh Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah Luqman, ayat 13:

وَإِذْ قَالَ لُقْمَنُ لِابْنِهِ ۖ وَهُوَ يَعِظُهُ ۚ يَبْنَىٰ لَا تُشْرِكْ بِاللَّهِ ۚ إِنَّ الشِّرْكَ لَظُلْمٌ عَظِيمٌ (١٣)

**Maksudnya:** *Dan (ingatlah) ketika Luqman berkata kepada anaknya, semasa ia memberi nasihat kepadanya:" Wahai anak kesayanganku, janganlah engkau mempersekutukan Allah (dengan sesuatu yang lain), sesungguhnya perbuatan syirik itu adalah satu kezaliman yang besar".*

Begitu juga dalam surah yang sama pada ayat 17 yang berbunyi:

يَبْنَىٰ أَقِمِ الصَّلَاةَ وَأْمُرْ بِالْمَعْرُوفِ وَانْهَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأَصْبِرْ عَلَىٰ مَا أَصَابَكَ ۚ إِنَّ ذَٰلِكَ مِنْ عَزْمِ الْأُمُورِ (١٧)

**Maksudnya:** *Wahai anak kesayanganku, dirikanlah sembahyang, dan suruhlah berbuat kebaikan, serta laranglah daripada melakukan perbuatan yang mungkar, dan bersabarlah atas segala bala bencana yang menimpamu. Sesungguhnya yang demikian itu adalah dari perkara-perkara yang dikehendaki diambil berat melakukannya.*

**Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Marilah kita bersama-sama meneliti pesanan yang terkandung di dalam ayat-ayat tadi dan cara Luqman al-Hakim menyampaikan pesanannya itu kepada anaknya.

Jika diteliti, kita akan dapati bahawa kandungan nasihat yang diberikan oleh Luqman ini merangkumi tiga aspek utama dalam

ajaran Islam; iaitu **Aqidah**, **Amalan** dan juga **Akhlak**. Luqman memulakan pesanannya dengan perkara pokok berkaitan aqidah, iaitu pesanan agar tidak sekali-kali menyengutukan Allah *subhanahu wata'ala*. Hal ini selari dengan pedoman al-Quran yang mendahulukan perkara-perkara yang berkaitan aqidah melalui ayat-ayat yang diturunkan sebelum penghijrahan Nabi *sallallahu alaihi wasallam* yang dikenali sebagai ayat-ayat Makkiyyah.

Kita perlu memastikan bahawa anak-anak kita bukan sahaja mengetahui bahawa adanya Allah, malah perlu memahami betapa berhajatnya kita dan semua makhluk kepada Allah *subhanahu wata'ala*. Ajarkan kepada anak-anak kita bahawa pergantungan kita kepada manusia lain untuk mencapai sesuatu dalam kehidupan ini, yang akan menentukan tercapai atau tidaknya impian kita itu hanyalah Allah *subhanahu wata'ala*.

Oleh sebab itu, penting untuk mereka dididik agar tidak lupa meletakkan harapan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dalam setiap aspek kehidupan. Ingatkan anak-anak kita untuk menjadikan Allah *subhanahu wata'ala* sebagai tumpuan segala hajat mereka, dan tidak ada Tuhan lain mahupun makhluk yang mempunyai kuasa yang setanding dengan Allah *subhanahu wata'ala*. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Ikhlâs, ayat 1-2:

قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ (١) اللَّهُ الصَّمَدُ (٢)

**Maksudnya:** *Katakanlah (wahai Muhammad): "(Tuhanku) ialah Allah Yang Maha Esa; Allah Yang menjadi tumpuan sekalian makhluk untuk memohon sebarang hajat;*

Ini diikuti dengan pesanan Luqman kepada anaknya untuk mendirikan solat serta mengajak kepada perkara kebaikan dan mencegah kemungkaran. Ini merupakan aspek amalan di dalam pesanan tersebut, dan ia datang setelah ditekankan kepentingan memperbetulkan keimanan kepada Allah *subhanahu wata'ala*.

Dalam hal ini, perlulah ditekankan dan dibudayakan sejak dari usia yang kecil lagi dengan amalan-amalan yang mudah terlebih dahulu. Seperti contoh, hendaklah kita membiasakan anak-anak kita dengan konsep menabung, berbelanja dan menderma, iaitu antaranya dengan cara meletakkan sebahagian wang sumbangan mereka di dalam tabung kebajikan, ataupun kita membiasakan mereka untuk melakukan kerja sukarela bersama kita. Biasakanlah anak-anak kita membantu saudara-mara atau jiran yang kurang upaya dan memerlukan. Dengan demikian jiwa anak-anak kita akan sehati dengan amal kebajikan.

Semua pentarbiyahan atau didikan ini perlulah diselang-seli dengan galakan, pujian dan sokongan. Lebih penting lagi, contoh yang baik dari kedua ibu bapa perlu diwujudkan. Anak-anak tidak akan dapat menghayati amalan kebaikan jika mereka tidak menyaksikan ibu dan bapa mereka melakukannya bersama.

## **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Satu perkara lagi yang dapat kita pelajari dari nasihat Luqman al-Hakim tadi ialah pendekatan yang digunakan dalam menyampaikan pesanan pada anaknya. Sebagai ayah, Luqman mendekatkan dirinya pada anaknya dengan menzahirkan kasih sayang kepadanya. Ketika ingin menasihati anaknya, beliau memanggil anaknya dengan nama yang manja iaitu 'bunayya', yang bermaksud anak kesayanganku. Lihatlah bagaimana Luqman menggunakan kata-kata panggilan yang lembut agar anaknya merasa suka dan terpanggil untuk mendengar apa yang ingin diperkatakan.

Jelas di sini bahawa pilihan bahasa dan panggilan buat anak memainkan peranan yang penting dalam cara kita berkomunikasi. Begitu juga dengan masa, pilihlah masa yang terbaik, terutamanya ketika anak-anak kita tidak kepenatan atau kelaparan seperti baru pulang dari sekolah dan sebagainya.

Begitu juga dengan nama panggilan buat anak. Mengapa tidak dalam memberikan pandangan dan nasihat kepada diri anak, kita memanggilnya dan menyerunya dengan nama mereka yang indah ataupun gelaran yang mereka gemari. Nama yang menjadi satu doa jika disebut berulang-ulang kali. Sudah pasti, jika kita bijak memilih masa yang sesuai dalam memberikan nasihat, dengan pemilihan kata-kata yang baik, sedikit sebanyak mesej yang perlu kita terapkan akan meresap pada diri anak-anak.

Kaedah yang digunakan oleh Luqman ini sangat bermanfaat dalam membantu memudahkan sesuatu perkara untuk difahami oleh

pendengar. Kaedah ini juga bersesuaian dengan ‘*athar*’ atau kata-kata yang diriwayatkan daripada Sayyidina ‘Ali bin Abi Talib *radiallahu anhu* yang berbunyi:

((حَدِّثُوا النَّاسَ بِمَا يَعْرِفُونَ. أَتُحِبُّونَ أَنْ يُكَذَّبَ اللَّهُ وَرَسُولُهُ))

**Maksudnya:** *Berbicaralah dengan manusia berdasarkan apa yang mereka tahu. Adakah kamu suka Allah dan Rasul-Nya didustai?*

*(Hadis riwayat Imam al-Bukhari)*

Ini merupakan satu lagi perkara yang perlu dicontohi oleh kita sebagai ibu bapa. Di dalam kita menyampaikan nasihat kepada anak-anak kita, sudahkah kita pastikan bahawa bahasa yang kita gunakan boleh difahami oleh mereka? Adakah kita memberikan contoh-contoh yang relevan supaya mesej yang ingin kita sampaikan dapat dihayati oleh mereka?

Justeru, setiap kali kita ingin menegur anak kita tentang suatu perkara yang dilakukannya, perlulah dipastikan bahawa cara kita menegurnya dilakukan dengan cara yang boleh diterimanya. Seringkali kita mempunyai nasihat penting yang ingin kita kongsi dengan ahli keluarga kita, tetapi kerana kurang memahami cara yang sesuai di dalam penyampaian, mesej itu tidak dapat dihayati dengan begitu berkesan.

Sebagai ibu bapa, ilmu tentang komunikasi yang berkesan sangat penting untuk memastikan bahawa kita dapat membimbing dan mendampingi anak-anak kita pada waktu di mana mereka sangat memerlukan kita, tidak kiralah sama ada ketika hendak menghadapi

peperiksaan, semasa mereka meningkat remaja malah dalam setiap langkah dalam kehidupan mereka.

Marilah kita menanam azam di dalam diri kita untuk mengutip mutiara ilmu daripada para Anbiyaa' dan para Solihin, dengan mencontohi mereka dalam urusan kehidupan kita seharian. Marilah kita tingkatkan ilmu keibu-bapaan di dalam diri kita, agar kita dapat mendampingi anak-anak kita dan memahami emosi dan juga minda mereka. Mudah-mudahan Allah membantu kita dalam menjalankan amanah dengan hikmah dan berpandukan hidayah daripada Allah *subhanahu wata'ala*.

**Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Mengakhiri khutbah pada hari ini, beberapa intipati yang boleh kita ambil sebagai pedoman;

**Pertama** : Ibu bapa hendaklah mendidik anak-anak agar tidak lupa meletakkan harapan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dalam setiap aspek kehidupan.

**Kedua** : Ibu bapa hendaklah menasihati anak-anaknya supaya mendirikan solat dan mengajak kepada perkara kebaikan dan mencegah kemungkaran.

**Ketiga** : Ibu bapa hendaklah mempunyai ilmu tentang komunikasi yang berkesan untuk memastikan mereka dapat membimbing dan mendampingi anak-anak dengan baik.

Akhirnya, marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah Luqman, ayat 14 :

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ.  
وَوَصَّيْنَا الْإِنْسَانَ بِوَالِدَيْهِ حَمَلَتْهُ أُمُّهُ وَهْنًا عَلَى وَهْنٍ وَفِصْلُ اللَّهِ فِي عَمَإِنِ  
أَنِ أَشْكُرْ لِي وَلِوَالِدَيْكَ إِلَى الْمَصِيرِ (١٤)

**Maksudnya:** *Dan Kami wajibkan manusia berbuat baik kepada kedua ibu bapanya; ibunya telah mengandungnya dengan menanggung kelemahan demi kelemahan (dari awal mengandung hingga akhir menyusunya), dan tempoh menceraikan susunya ialah dalam masa dua tahun; (dengan yang demikian) bersyukur kepada-Ku dan kepada kedua ibubapamu; dan (ingatlah), kepada Akulah jua tempat kembali (untuk menerima balasan).*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ  
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ  
قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ  
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ  
الرَّحِيمُ.

## KHUTBAH JUMAAT KEDUA

---

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Marilah kita terus mengimarahkan masjid dan surau dengan menunaikan solat fardu secara berjemaah. Pada masa yang sama, pastikan rezeki yang kita peroleh adalah daripada sumber yang halal lagi baik. Suburkanlah rasa hormat dan taat kepada para pemimpin serta kasih sayang sesama masyarakat. Perkukuhkanlah perpaduan ummah demi kestabilan, kemakmuran dan keharmonian masyarakat di Sarawak. Selain itu, kita hendaklah bersungguh-sungguh menghindarkan diri dan ahli keluarga daripada terjebak dengan penyalahgunaan dadah dan perjudian, agar kehidupan kita selamat, bahagia dan sejahtera.

Pada hari yang mulia ini juga, marilah kita memperbanyakkan selawat ke atas Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam* seperti yang diperintahkan oleh Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Ahzab, ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا (٥٦)

**Maksudnya:** *Sesungguhnya Allah dan malaikat-Nya berselawat (memberi segala penghormatan dan kebaikan) kepada Nabi (Muhammad sallallahu alaihi wasallam); wahai orang yang beriman, berselawatlah kamu kepadanya, serta ucapkanlah salam sejahtera dengan penghormatan yang sepenuhnya.*

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ  
عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ  
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمُهَدِّينَ، سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ  
وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.  
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

Ya Allah! Bantulah saudara-saudara kami di mana sahaja mereka berada, khususnya di negara Palestin. Kurniakanlah kepada mereka perlindungan, keselamatan, keamanan, keselesaan dan kemenangan dalam menghadapi musuh yang sentiasa mengganggu mereka. Angkatkanlah dan hilangkanlah daripada mereka bala bencana, kesedihan, peperangan dan permusuhan dengan limpah rahmat-Mu, Tuhan yang Maha Rahmat.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibu bapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah, hindarkanlah kami daripada melakukan rasuah dan sifat terkeji yang menyeleweng daripada peraturan dan undang-undang negara. Jauhilah kami dan keturunan kami daripada penyalahgunaan dadah. Jadikanlah kami ummah yang berkualiti, berintegriti serta cemerlang demi mencapai negara yang aman dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu, ya Allah.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Ya Allah, kukuhkanlah perpaduan dan kesatuan kami dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dalam seluruh nilai kehidupan kami. Limpahkanlah ke atas kami nikmat keselamatan, kesihatan dan keafiatan serta hindarilah kami daripada segala wabak penyakit dan kesempitan hidup.

رَبَّنَا أٰتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. اٰمِيْن،  
اٰمِيْن يَا رَبَّ الْعَالَمِيْنَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ  
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُم لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ  
يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ  
اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.